

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 14 March 1965 > Page 9 > SAKSI SRIWANA

SAKSI SRIWANA

Berita Harian, 14 March 1965, Page 9

Article also available on Microfilm Reel NL4321

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

SAKSI SRIWANA

— SUHAIRI S.

PEMENTASAN drama SAKSI pada 3 dan 4 April ini di-Panggong Victoria di-Singapura, akan benar2 merupakan sa-buah persembahan yang gagah oleh Sriwana dengan adanya Inche Zain Mahmud didalamnya.

Inche Zain Mahmud, penerbit drama Melayu di-TV Malaysia Singapura, telah menyatakan kesanggupannya untuk berlakon dalam drama tersebut.

Kalau dahulu, sejak drama di-TV Singapura itu diadakan, Inche Zain pernah menerbit dan mengarahkan pelakon2-nya, maka dalam pementasan ini beliau "akan tundok dibawah arahan" pengarah Bani Buang pula untuk melakonkan peranan-nya sa-bagai sa-orang 'hakim.'

Meskipun watak "hakim" yang akan di-lakonkan oleh Inche Zain itu merupakan suatu karekter yang "berat" dalam drama tersebut, tetapi pengarah Bani yakin 'watak' itu akan dapat di-bawakan oleh-nya (Zain) dengan baik dan memuaskan.

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
14 March 1965Reel Number:
NL4321

Share

Table of Contents

< Previous Page 9 >

Kursus pengarah dan pesta drama di-Pulau Pinang

Kursus pengarah dan pesta drama di-Pulau Pinang
Laporan serba-neka seni sekitar tanah ayer Oleh

ABDULLAH ZAINOL TIDAK MAHU KA-DUNIA FILEM!

ABDULLAH ZAINOL TIDAK MAHU KA-DUNIA FILEM!
Oleh ZED YIESKIPUN dalam lapangan drama ia i'ti tidak

MENJELANG TAKBIR DI-ASTRA

MENJELANG TAKBIR DI-ASTRA Badan Kesenian
Tentera Udara di-Bras Malaya berpakaian Oleh

View Full Table of Contents >

Penting

Kalau dahulu-nya penerbit Zain Mahmud, telah berjaya menilaikan lakonan beberapa pelakon terpenting untuk mendokong penerbitan2-nya di-TV masa lalu, dalam pementasan ini masyarakat ramai akan dapat menilai kebalikannya dalam lakonannya dalam SAKSI ini.

Sa-lain dari itu peminat2 drama akan juga dapat menyaksikan wartawan-pelakon filem Hassan Muin sa-bagai kerani mahkamah dalam drama SAKSI ini.

Hassan telah beberapa kali berlakon dalam filem2 keluaran Jalan Ampas dan Cathay-Keris.

Dengan muncul-nya ia dalam drama ini, peminat2 Hassan akan berkesempatan sa-mula menyaksikan kemajuan-nya dalam dunia seni lakun.

Turut muncul sa-mula dalam drama ini ia-lah pelakon Maniseh Hj. Siraj yang telah menghilangkan diri lebih kurang dua tahun lalu dalam lapangan pentas.

Maniseh, dengan bentuk badan-nya yang telah bertukar di-bandingkan dua-tiga tahun lalu, telah diserahkan peranan wanita "Rohani" dalam kisah pembunuhan yang ngeri ini.

Apa-kah dia akan dapat membawakan watak ini sa-telah sa-kian lama dia mendiamkan akan dapat di-saksikan oleh peminat2-nya dalam drama Saksi ini.

Drama yang telah diterjemahkan oleh RAAZHA selama enam bulan ini, akan di-jayakan juga oleh pelakon2 Sriwana yang terkenal sa-suai dengan gelaran2 "bintang" yang mereka miliki-nya sa-lama ini.

Antara pelakon2 itu ia-lah: S. M. Alkaff (sa-bagai penda'awa raya), Salim Bachik (sa-bagai Mansor Abadi), Zainon Ismail (sa-bagai Salmah), Sari Tariff (sa-bagai merinyu), Osman Zailani (sa-bagai peguambela), Raja Haron (kerani mahkamah), Johari, Sirajo dan lain2-nya.

Drama yang memakan

masa hampir tiga jam ini dan mengandongi empat babak, akan mengetengahkan juga beberapa "pembaharuan" dari segi persembahan-nya, termasuk "setting"-nya.

Ini-lah kali pertama drama seperti ini, yang khusus akan membawa penonton2-nya ka-sabuah mahkamah dan perkara2 yang berlaku di-dalam-nya.

Ia juga merupakan satu "chorak" baharu dalam persembahan-nya sa-telah sekian lama peminat2 drama di-sini menyaksikan drama2 yang berkisar dalam lingkungan2 tembok di-raja, di-dalam rumah, di-tepi pantai, di-sawah ladang dan kampong, di-bilek bujang dan lain2-nya.



Maniseh Siraj

Related Articles



No related article found.

